

**TEKS UCAPAN ALUAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP  
PERTANDINGAN DEKLAMASI SAJAK  
KOPERASI SEKOLAH 2022**

**PERINGKAT KEBANGSAAN**

**28 JULAI 2022 (KHAMIS)  
12.15 TENGAHARI**

**AUDITORIUM ANGKASA**

---

Bismillahirrahmaanirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terima Kasih Pengacara Majlis

---

# **{SALUTASI TERKINI AKAN DILETAKKAN DI ATAS ROSTRUM}**

Guru-Guru Koperasi, Pelajar-pelajar yang dikasihi, rakan-rakan media serta hadirin yang dihormati sekalian.

1. Sebagai pembuka kata, marilah

kita merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka kita berpeluang untuk hadir dan bertemu pada hari ini dalam **Majlis Perasmian Penutup Pertandingan Deklamasi Sajak Koperasi Sekolah 2022 Peringkat Kebangsaan.**

2. Saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang hadir terutamanya kepada para peserta yang terlibat dalam pertandingan deklamasi sajak ini. Tahniah dan syabas juga diucapkan kepada urusetia program yang komited menyempurnakan majlis ini, dengan

kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

3. Secara peribadi, saya merasakan penganjuran pertandingan sajak ini

merupakan satu manifestasi keprihatinan terhadap seni dan budaya. Secara tidak langsung turut memperkasakan bahasa kebangsaan, pembudayaan seni sastera dan budaya yang menjadi jiwa sesebuah bangsa.



4. Program ini dilihat sebagai satu platform untuk mendidik masyarakat terutamanya kalangan pelajar sekolah agar menghayati seterusnya memartabatkan seni sastera melalui bahasa kebangsaan yang sejak sekian lama berperanan sebagai bahasa ilmu, bahasa pengantar pendidikan,

bahasa perpaduan serta tonggak pembinaan negara bangsa.

5. Suka saya maklumkan bahawa pertandingan seumpama ini bukanlah asing bagi ANGKASA kerana kita pernah menganjurkan pertandingan seperti kuiz koperasi, pidato, penulisan

esei dan pantun dalam Sambutan Hari Koperasi Sekolah (HKS) di peringkat zon, negeri dan kebangsaan, suatu waktu dahulu.

**Hadirin yang dihormati sekalian**

6. Masyarakat kita terutamanya orang Melayu amat menitikberatkan seni sastra seperti pantun, sajak dan yang seangkatan dengannya untuk menanam elemen jati diri yang dapat melahirkan budaya. Penggiat seni sastra melangkaui profesion dan latar belakang akademik dalam usaha

menghasilkan karya yang dapat mengembangkan nilai ilmu.

7. Pengembangan nilai budaya perlu disemarakkan dari awal bermula di peringkat sekolah. Kecintaan terhadap seni sastera perlu disemai melalui program-program

pembudayaan seperti pertandingan-pertandingan, sambutan bulan bahasa kebangsaan dan seumpamanya sama ada di peringkat sekolah, kementerian ataupun organisasi seperti koperasi.

8. Minat mendalam terhadap seni sastra akan dapat menggarap karya yang unik dan puitis yang meninggalkan kesan terhadap pendengar sementelah apabila karya tersebut berkisar kepada ruang lingkup masyarakat dan kehidupan semasa.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

9. Koperasi sekolah sudah berusia lebih 50 tahun sejak mula diperkenalkan pada tahun 1965, yang berperanan menerapkan semangat dan nilai-nilai berkoperasi dalam kalangan generasi muda. Sebagai



apex gerakan koperasi negara,  
ANGKASA sentiasa komited  
membangunkan koperasi sama ada  
dewasa mahupun sekolah.

10. Dengan menjadi anggota  
ANGKASA, koperasi sekolah  
berpeluang mengembangkan

perniagaan yang diceburi dan pada masa sama mencungkil serta membangunkan bakat kepimpinan di samping memperkasakan jati diri dalam kalangan pelajar selaras dengan falsafah dan prinsip koperasi.

11. Ini diperkukuh melalui program-program pembangunan perniagaan koperasi sekolah yang dilaksanakan oleh Bahagian Sekolah (BSE) yang turut memberikan khidmat nasihat dari segi tadbir urus dan kewangan, dan telah membantu gerakan koperasi sekolah di Malaysia mencapai sumbangan

perolehan yang setanding dengan koperasi dewasa.

12. Sehingga Disember 2021, perolehan koperasi sekolah mencecah **RM318.6 juta** dengan keanggotaan seramai **1.97 juta** orang dari **2,463** buah koperasi. Jumlah modal saham dan

yuran terkumpul pula adalah sebanyak **RM29.6 juta** dengan aset berjumlah **RM416.86 juta**.

13. Namun, semua ini tidak mungkin berjaya direalisasikan tanpa sokongan penuh dari SKM, KPM, Jabatan Pendidikan Negeri, MARA dan

Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) terhadap semua program pembangunan oleh ANGKASA.

14. Justeru, ANGKASA akan meneruskan komitmen pembangunan gerakan koperasi sekolah agar terus

dapat memacu kejayaan koperasi sekolah di peringkat nasional dan antarabangsa.

15. Akhir kata, sekali lagi tahniah dan syabas di atas penganjuran Pertandingan Deklamasi Sajak Koperasi Sekolah 2022 Peringkat

Kebangsaan. Tahniah juga diucapkan kepada para pemenang. Besarlah harapan saya agar pertandingan seumpama ini diteruskan momentumnya pada masa-masa akan datang agar seni sastera dan budaya terus semarak dalam



kalangan pelajar selari dengan  
kemajuan dan kejayaan akademik.

Sekian, terima kasih.